

Sebelum pergi ke London, Ketua Menteri Singapura Tuan David Marshall telah tertawa besar kerana membawa kononnya tanda tangan lebih daripada 160,000 orang yang mahukan merdeka dan hanya tidak sampai dua ratus orang sahaja yang tidak mau merdeka! Di sebalik ia tertawa membawa tanda-tanda tangan itu orang ramai tertawa pula melihat Marshall berkomed (lawak) kerana masing-masing orang tahu macamana caranya tanda tangan itu dipungut. Walhasil komedi politik Marshall sekarang semakin diketahui orang.

* * *

Rombongan merdeka Singapura sudah pergi ke London dan diberitakan bahawa mereka telah mendapat tempat-tempat dan pakaian-pakaian yang baik! Disebalik itu, rundingan-rundingan yang didapat sudah nampak bahawa erti merdeka yang sebenarnya tidak didapat langsung. Kawalan luar dan dalam negeri pun tidak dapat – yang dapat hanya harus kedudukan-kedudukan pegawai-pegawai yang ada sekarang yang bakal menjawat jawatan-jawatan tinggi dengan gaji besar sedang belanja \$134,000 pergi ke sana sambil dapat ‘makan angin percuma’ ditanggung oleh rakyat dengan kenaikan cukai-cukai. Kapal pecah yu kenyang! Ributnya rakyat menanggung!

* * *

Encik Isa Zain akan pergi ke London (dalam masa menulis ini ia belum lagi pergi – P) kerana menuntut sampai Singapura dibalikkan kepada orang-orang Melayu – bagus Bung! Sebelum mau dibalikkan kepada kita (dalam perkara Singapura) maka seharusnya “pemimpin-pemimpin” bebaskan dahulu dirinya daripada pengaruh asing sebab kalau kena pengaruh asing mau lepaskan Geylang Serai daripada dijadikan taman hiburan pun tidak boleh sebab awak sendiri nampaknya ada bersama-sama untuk mengadakannya – jadi apalah ertinya seruan itu. Kita berdoa mudah-mudahan nanti (kalau jadi pergi) A. Isa Zain tidak akan sesat di London.

* * *



KOPI PAHIT

Sekarang sudah terang orang-orang Cina sama ada dalam M. C.A. atau diluarnya menghendaki sampai kerakyatan jus soli diakukan sedang nampaknya orang-orang Melayu boleh melawan, sebaliknya pemimpin-pemimpin UMNO tidak tegas menunjukkan bantahannya dan berharap kepada pengikut-pengikutnya tenang. Cara ini dipandang orang sudah terang kerana tidakkah dalam pilihanraya dahulu, khabarnya, M.C.A. banyak berbudi kepada UMNO? Kalau sudah menerima budi, ertinya tangan dibawah dan kesannya masing-masing kita tahu sama tahu.

* * *

Tuan Syed Ahmad Jamalullail tatkala mengulas kenyataan Tuan Ahmad Khan dari Parti Persaudaran Islam tentang “sesiapa yang tidak masuk Parti Persaudaraan Islam” adalah bukan Islam sejati telah bertanya: “Adakah Tuan Ahmad Khan berpendapat bahawa orang-orang yang mencampuri parti-parti Melayu yang memperjuangkan tanah air, bangsa dan agama itu bukan orang Islam?” Wah! lain dikata orang lain pula dijawabnya. Rupanya Tuan Syed ini pun tidak mengerti langsung apa yang diperjuangkan oleh orang-orang Islam. Ya Syed, tahukah saudara bahawa datuk nenek saudara dahulu berjuang terlebih dahulu daripada segala-galanya adalah atas dasar agama – agama didahulukan – tidak dikebelakangkan kerana orang-orang itu tetap pada iqrarnya bahawa “sembahyangnya, ibadatnya, hidup dan matinya kerana Allāh Ta‘ālā.” Kepada mereka agama diperjuangkan lebih dahulu baharu yang lainnya. Ya Syed takutkah nanti akan pertanyaan kepada tuan “apakah yang tuan telah buat terhadap agama tuan yang di bawah oleh keturunan darah tuan? Jawablah! – Cemeti al-Farouk